



## SIARAN AKHBAR

### **PAMERAN BAHAN-BAHAN PERJANJIAN KESALINGBOLEHTUKARAN MATAWANG (CIA) SEMPENA HUBUNGAN ISTIMEWA DIANTARA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DAN REPUBLIK SINGAPURA**

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), baru-baru ini telah dijemput untuk menyertai pameran fotografi yang bertemakan ‘Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura: Hubungan Istimewa’ di Galeri Seni, Dermaga Diraja Bandar Seri Begawan pada 5 hingga 20 Oktober 2015.
2. Pameran ini telah dirasmikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Pengiran Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Tuan Yang Terutama Teo Chee Hean, Timbalan Perdana Menteri Republik Singapura yang juga Menteri Koordinasi bagi Keselamatan Nasional, adalah anjuran bersama Jabatan Muzium-Muzium dan Suruhanjaya Tinggi Republik Singapura ke negara ini.
3. Antara bahan-bahan yang AMBD pamerkan adalah plak Matawang Kertas Kenang-Kenangan sempena Ulangtahun ke-40 Perjanjian Kesalingboleh-Tukaran Matawang (CIA) diantara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura pada tahun 2007 berserta dengan beberapa set wang kertas kenang-kenangan dan *ingot* perak yang telah di keluarkan bagi memperingati ulangtahun berkenaan.
4. Perjanjian matawang yang telah terjalin sejak tahun 1967 ini, adalah merupakan salah satu asas utama hubungan erat diantara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura, dan akan menyambut ulangtahunnya ke-50 pada tahun 2017 nanti. Perjanjian ini menetapkan bahawa matawang Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura adalah diterima sebagai *customary tender* di negara masing-masing oleh autoriti-autoriti monetari dan bank-bank dengan nilai yang sama tanpa caj.
5. Orang ramai adalah juga dialu-alukan untuk melawat Galeri Matawang AMBD di Bangunan BCMB, Kompleks Kementerian Kewangan, Commonwealth Drive yang akan terus mempamerkan bahan-bahan pameran kenangan sempena Ulangtahun ke-40 CIA diantara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura ini. Selain daripada itu, beberapa jenis koleksi matawang dari permulaan sejarah matawang Brunei serta wang syiling dan wang kertas *uncut* kenang-kenangan juga turut dipamerkan dan matawang kertas dan duit syiling kenang-kenangan sempena memperingati hari-hari kebesaran tertentu di negara ini turut dijual. Galeri ini dibukakan kepada orang ramai dari jam 8.30 pagi hingga 12.00 tengahari dan 2.00 petang hingga 4.30 petang kecuali pada hari Juma’at dari jam 8.30 hingga 11.00 pagi dan 3.00 hingga 4.00 petang.

**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Tarikh : 10 Muharram 1437H / 23 October 2015M

Rujukan : AMBD/COMMS/3